

TANYA JAWAB



Dr Hirman Khamis, guru adjung, Sekolah Rendah North Vista bertanya pandangan dan saranan Tuan Haji Sidek tentang sikap dan pandangan yang mengambil mudah terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sehinggakan bilangan murid yang berminat mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu Lanjutan semakin berkurangan?

Soalan yang diajukan penting. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memastikan penguasaan bahasa Melayu baik seperti mana yang telah saya nyatakan di dalam teks ceramah saya. Kita sendiri mesti mencari jalan agar anak kita dapat berbahasa Melayu dengan baik walaupun kita tahu bahasa Inggeris juga penting bagi anak-anak kita. Apa yang saya lakukan, dalam seminggu, satu, tiga, lima dan tujuh iaitu pada hari Isnin, Rabu, Jumaat dan Ahad saya pastikan anak-anak hanya menggunakan Bahasa Inggeris. Setiap hari dua, empat dan enam yaitu hari Selasa, Khamis dan Sabtu, anak-anak mesti menggunakan bahasa Melayu.

Nampaknya seperti memberatkan Bahasa Inggris tetapi sesiapa sahaja yang menggunakan bahasa Melayu semasa hari bahasa Inggris akan disaman atau didenda. Pada mulanya 'tin saman' tersebut berat. Setelah tin tersebut berat, wang akan dikeluarkan untuk 'pergi makan'. Lama-kelamaan, tin tersebut menjadi ringan.

Alhamdulillah, ada dua orang anak saya yang boleh membuat penterjemahan semasa di universiti dengan menggunakan kedua-dua bahasa Melayu dan Inggris sehingga mendapat elaun khas sebanyak \$250 sebulan. Sekarang ini, giliran cucu pula. Hanya seorang sahaja yang mengambil subjek Bahasa Melayu Lanjutan. Seperkara lagi, jangan sekali-kali memasukkan unsur-unsur kekerasan kepada anak-anak dalam menyemai rasa cinta kepada bahasa. Kita harus mencari kaedah sendiri. Apa pun yang dilakukan, jangan sampai kita mencatitkan bahasa kita sendiri.

Cikgu Abdullah Lamat, guru pesara berkongsi bahawa sewaktu zaman permulaan Singapura merdeka, ramai juga guru-guru bahasa Melayu kita yang diambil untuk menjadi pemimpin bagi bertanding dalam pilihan raya seperti Cikgu Sidek sendiri, Cikgu Wan Husin, Cikgu Shaari Tadin dan beberapa orang lagi. Sejak kebelakangan ini, ramai guru-guru kita yang berkeleyakan. Namun, nampaknya semakin kurang pelibatan mereka dalam pemerintah dan politik. Apa komen cikgu tentang perkara ini?

Era saya berlainan sekali kerana era itu merupakan era guru dan wartawan. Pada ketika itu, golongan ini merupakan golongan cendekiawan atau golongan intelegensia Melayu. Kerana itu kami berani membuat kertas usulan atau cadangan. Guru-guru kelulusan Melayu dan Inggeris bersama-sama menulis tentang pentingnya bahasa Inggeris. Demi kepentingan masa hadapan, Inggerislah jawapannya.

Pada satu ketika, 60 orang saintis Perancis telah bersidang bukan bercakap tentang sains tetapi tentang kesan peluasan penggunaan bahasa Inggeris. Ini memandangkan orang Perancis dan Inggeris selalu berbalah tentang bahasa. Dalam hal ini, saintis Perancis memilih untuk menggunakan bahasa Inggeris sedangkan semangat kebangsaan dan penggunaan bahasa Perancis mereka sangat kuat sekali. Saintis Perancis akhirnya mengalah kerana mereka berpendapat bahawa *the Language of Knowledge is English*, bahasa ilmu pengetahuan ialah bahasa Inggris.

Sama seperti orang Yahudi dan Nasrani, mereka mempelajari bahasa Arab. Mereka pergi ke negara-negara Arab seperti Iran, Jordan untuk menimba ilmu pengetahuan dengan menggunakan bahasa Arab tanpa menghiraukan sama ada akan menjadi orang Islam atau tidak. Walaupun ada antara mereka yang akhirnya menerima Islam kerana nilai akhlak agama Islam.

Sekarang ini kita perlu mendapat calon yang bilingual. Calon mesti berkemahiran dwibahasa. Seperti saya dan kawan-kawan, mereka perlu pergi ke sekolah malam. Apabila anak sudah tiga,

baharu hendak betulkan bahasa Inggeris dan hadiri sekolah malam. Siang menjaga KGMS, malam ke sekolah malam setiap hari. Saya beritahu anak saya, jangan ikut macam bapak. Sudah berkeluarga baru mahu masuk universiti. Anak sudah tiga empat baru hendak belajar bahasa Inggeris.

Suasana telah berubah. Soal memilih calon bukan sesuatu yang boleh disodor-sodorkan atau meminta begitu sahaja. Calon mesti ada sikap ingin berkhidmat. Orang Melayu/Islam kita terkenal dengan daya khidmat kita yang tinggi sekali. Jika ada guru yang dwibahasa yang bagus berikanlah nama mereka kepada kami. Boleh kita ajak hadiri '*tea sessions*'. Kemudian, buat kerja dengan sungguh-sungguh, biar orang yang menilai kita.

Saya pernah dimarahi Pak Haji. Saya memberitahunya, saya sering mengkritik Pak Haji (Allahyarham Tuan Haji Yaacob Bin Mohamed) dan PAP. Pak Haji kata saya boleh jadi anggota parlimen? Pak Haji kata Perdana Menteri (Mendiang Encik Lee Kuan Yew) tidak suka dengan orang yang mengkritik hanya untuk mengkritik sahaja tetapi tidak mampu memberikan alternatif atau pilihan lain. Jika kritikan ada memberikan pilihan atau alternatif, dia akan mendengar.

Jika anda menjadi calon anggota parlimen dan jika dipanggil makan satu dengan satu ertinya anda dihormati. Cakaplah apa yang sepatutnya dan jangan berbolak-balik. Walaupun benda itu susah untuk dicakapkan di luar, tapi perlu dicakapkan depan menteri yang menemuramah. Mereka akan mendengar.

Cikgu Siti Dahlia Ahmat, Guru Kanan, Sekolah Menengah Jurong menyatakan bahawa jika Tuan Haji Sidek diminta melihat kembali perjuangan Cikgu dalam pembangunan dan perkembangan bahasa Melayu di Singapura, apakah pencapaian dan perkembangan bahasa Melayu yang boleh cikgu banggakan? Jika cikgu diberi peluang kembali mengajar para pelajar kita sekarang, bagaimana cikgu meningkatkan minat pelajar terhadap bahasa Melayu?

Bagi saya, saya banggakan orang-orang yang ada di sekeliling saya. Itu paling penting. Saudara mungkin menjadi pengerusi, orang yang ada di sekeliling saudara itulah yang lebih penting. Kebalikannya pun sama. Orang yang di sekeliling anda pun boleh menjadi pembisik atau *whisperer* yang menjahanamkan anda. Jika *whisperer* yang ada di sekeliling anda yang benar-benar sayangkan anda, InsyaAllah anda akan berjaya.

Apakah yang menjadi kebanggaan saya. Saya lebih suka menggunakan istilah kesyukuran kerana saya mendapat kawan-kawan seperjuangan yang faham lubuk hati saya. Seperti contoh, hendak menukarkan sebutan baku itu, beku kita dibuatnya. Sampai sekarang, masih ada yang tidak puas hati. Dr Faishal baru memberitahu saya, dalam kalangan guru pun ada yang menyatakan, bahasa baku ini benar-benar menyusahkan mereka. Bagi saya, sesuatu yang susah, perlu kita jelaskan dengan ikhlas dan sejujurnya agar orang dapat memahaminya dan menerimanya di samping itu, kita perlu terus berdoa. Jika saya mengajar BM di bilik darjah bagaimana akan saya jalankan? Setiap kali saya masuk darjah, saya akan melakukan satu perkara untuk menarik perhatian budak-budak tersebut. Dalam masa 5 minit, pasti mereka tidak akan berikan tumpuan. Untuk menarik perhatian, kita cakap unsur-unsur yang menaikkan semangat. Setelah mereka sudah “settle”, baru masuk dengan apa yang kita hendak ajarkan.

Saya pernah membenarkan anak murid saya tidur. “Awak pejam mata 5 minit, Insyaallah buka mata, celik.” Ada di dalam memoir saya. Saya berikan 5 minit untuk pelajar tidur. Orang-orang bukan Islam, mereka hanya pejam mata sahaja. Kita orang Islam

yang pejamkan mata akan berzikir. Contoh, Subhanallah, maha suci Allah; yang tidak suci, diri aku. Jika orang-orang buat Yoga, kita buat dengan zikir. Pernah saya suruh seorang budak memejamkan matanya, sekali pengetua jalan. "*Cikgu Sidek, how on earth you came into teaching, this fellow is sleeping?*" Saya dimarahi. Saya jelaskan, saya kenal pelajar saya. Dia perlu cuci teksi dan kereta untuk mendapatkan wang. Pulang hanya pukul 12.30 atau 1.00 pagi. Saya kenal pelajar ini. Setelah dijelaskan kepada pengetua, beliau memahaminya. Seperti apa yang dikatanya oleh arwah ayah saya. Jika kita benar, tulis "be, nun, ra" kemudin kita ronyok-ronyokan kertas itu, kita campakkan ke longkang dan terkena najis, dan kita ambil balik tulisan itu masih ada "ba, nun, ra". Itulah nasib sebenar "benar". Sama juga seperti salah. Jika kita salah, kita akan tetap salah.

Ramai orang sangkakan muka saya ini garang. Seorang rakan guru pernah menghantar seorang anak murid nakal ke kelas saya kerana tidak dapat mengawal pelajar itu. Pada satu hari saya ditegur seseorang yang mahu menghantar dan menumpangkan saya ke sekolah. Rupa-rupanya itulah budak nakal yang dihantar ke kelas saya satu masa dahulu.

Sebenarnya saya seorang yang kelakar. Saya suka berjenaka. Berkongsi kisah-kisah yang mempunyai nilai. Jadi bagi saya, 5 minit "*pep talk*", penting bagi sesebuah darjah. Percakapan dan layanan kita yang manusiawi akan menyebabkan manusia mengetahui.

TUAN HAJI SIDEK BIN HAJI SANIFF





